



KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

TEKS TAZKIRAH

**YB TUAN HAJI KHALID BIN ABD. SAMAD
MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN**

SEMPENA

**MAJLIS PERHIMPUNAN YB MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN
BERSAMA WARGA KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**DEWAN SERBAGUNA, ARAS 1, BLOK 1, MENARA SERI WILAYAH
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN**

**8 MEI 2019 (RABU)
JAM 6.40 PETANG**

(Salutasi perlu dikemaskini)

YB Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh
Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan
dan isteri YBhg. Datin Sharifah Junaidah binti Sheikh Al Junid

Isteri saya Prof. Dr. Zaiton binti Abu Bakar

YBhg. Datuk Seri Haji Saripuddin bin Haji Kasim
Ketua Setiausaha Kementerian Wilayah Persekutuan
dan isteri Datin Seri Ruzaina binti Wan Hanif

YBhg. Dato' Siti Fatimah binti Daud

Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan dan Pembangunan)

YBhg. Datuk Hajah Rosida binti Jaafar

Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan dan Sosio Ekonomi)

YBrs. Encik Abdullah bin Daud

Pengerusi, Kelab Kebajikan dan Sukan, Kementerian Wilayah Persekutuan (KESWIP)

Hadirin-hadirat sekalian,

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

1. Pertama sekali, saya memanjatkan rasa penuh kesyukuran kepada Allah SWT yang mempertemukan kita dengan bulan yang mulia ini. Ramadan kali ini tentulah berbeza dengan Ramadan tahun lalu kerana usia kita semakin bertambah. Sewajarnya kita mengambil peluang meningkatkan amal dalam Ramadan tahun ini, kerana belum tentu kita akan menemuinya pada tahun hadapan.
2. Kepada warga Kementerian Wilayah Persekutuan (KWP) yang beragama Islam dan ahli keluarga yang hadir, saya dan isteri mengucapkan "Selamat Mengerjakan Ibadah Puasa" dan hari ini, sudah 3 hari kita sama-sama berpuasa, semoga ibadah kita semua diberkati Allah SWT.
3. Kepada warga KWP yang bukan beragama Islam, saya amat menghargai kehadiran anda dan keluarga kerana saya percaya program ini mampu mengukuhkan lagi semangat perpaduan dalam kalangan warga KWP. Soal perpaduan ini perlu sentiasa dijaga dengan baik; dan kita bersyukur kerana kerajaan yang mentadbir negara ini mampu mengekalkan keamanan dan mengutamakan perpaduan antara kaum.

TAQWA

Saudara-saudari sekalian,

4. Sesungguhnya bulan Ramadan adalah bulan yang setiap tahun dinantikan ketibaannya oleh setiap umat Islam, kerana ia bulan yang mulia dan memberikan banyak kelebihan dan fadhilat bagi mereka yang menghayatinya. Saya percaya sebagai umat Islam kita berusaha mencapai “*end result*” yang dihasratkan daripada berpuasa pada bulan Ramadan iaitu **taqwa** sebagaimana firman Allah SWT yang bermaksud:

“Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan ke atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertaqwa.”

(Surah Al-Baqarah: 183)

Sekiranya diperhalusi, menurut Imam al-Ghazali, perkataan taqwa di dalam al-Quran memiliki 3 makna, yaitu :

- mempunyai erti rasa takut;
- mempunyai erti ketaatan; dan
- mempunyai erti membersihkan hati dari dosa-dosa, dan inilah erti sebenarnya dari taqwa.

5. **Maka di sini, suka saya membawakan satu perumpamaan tentang pengertian taqwa:**

Suatu hari Syaidina Umar Radhiallahu’anhu pernah bertanya kepada Ubai bin Kaab tentang taqwa, “Apakah yang dimaksudkan tentang taqwa ya Ubai.” Kata Ubai, “Tidakkah engkau pernah melalui satu jalan yang banyak duri?”

Jawab Umar, “Ya, saya pernah”.

Kata Ubai, “Apakah yang engkau buat?”

Kata Umar, “Aku akan menyinsing kain jubahku dan aku akan berhati-hati melangkah”.

Kata Ubai, “Itulah taqwa.”

Hadirin sekalian,

6. Dalam keadaan bagaimanakah kita akan menemui Allah SWT kelak? Kita sudah tentu tidak mahu duri-duri dosa mengoyak hidup kita dalam kita mengharungi liku-liku kehidupan untuk menemui Allah S.W.T. Sesungguhnya pakaian takwa itulah yang terbaik menjadi perisai hidup kita daripada duri-duri dosa sebagaimana firman Allah yang bermaksud: ***“Hai anak Adam, sesungguhnya kami telah menurunkan kepadamu pakaian untuk menutupi auratmu dan pakaian indah untuk perhiasan. Dan pakaian taqwa itulah yang terbaik.”*** (Al-A'raaf: 26).
7. Saya amat barharap kita semua dapat memanfaatkan bulan Ramadhan ini untuk meningkatkan taqwa dengan sentiasa berhati-hati bagi menjaga diri dari kemurkaan dan hukuman Allah SWT dengan menjalankan segala apa yang diperintahkan dan menjauhi segala apa yang dilarang. Ucapkanlah kepada diri kita dan ahli keluarga kita kata-kata ini: “Janganlah sampai Allah SWT melihatmu melakukan perbuatan yang dilarang oleh-Nya, dan janganlah sampai Allah SWT melihatmu meninggalkan perbuatan yang diperintahkanNya.”
8. Ketaqwaan ini bukan hanya ditekankan setakat bulan Ramadhan ini tetapi juga pada setiap saat dan ketika.

AUDIT DIRI SUPAYA TIDAK TERJEBAK DENGAN RASUAH

Saudara-saudari yang saya hormati,

9. Negara memerlukan penjawat awam yang bertaqwa yang beramanah, takut dan bimbang terjebak dalam aktiviti rasuah serta salahguna kuasa.

10. Allah SWT telah menerangkan dengan jelas tentang pengharaman rasuah dalam Islam. Allah SWT berfirman yang bermaksud: “***Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang lain) antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian daripada harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)***”. (Surah al-Baqarah 2:188)
11. Marilah kita berdoa supaya tidak tergolong sebagai pemberi dan penerima rasuah yang dilaknati oleh Allah SWT, yang mana Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa Rasulullah SAW telah bersabda: “*Allah melaknat pemberi dan penerima rasuah dalam membuat keputusan*” (Riwayat Tarmizi, Ahmad & Ibn Majah).
12. Saya menggalakkan supaya kita pada setiap hari bermuhasabah dan mengaudit diri masing-masing kerana kita wajib memastikan kita tidak mengambil upah yang melebihi daripada gaji yang ditetapkan bagi jawatan serta kelayakan kita. Ini kerana lebih upah ini juga boleh dikira sebagai rasuah seperti hadis riwayat Abu Daud, yang mana Rasulullah SAW telah bersabda: “*Sesiapa sahaja yang telah kami lantik untuk memegang sesuatu jawatan atau kerja dan kami telah tetapkan pendapatannya atau gaji maka apabila ia mengambil lebih dari apa yang ditetapkan, itu dikira sebagai satu penipuan dan rasuah*”.
13. Imam al-Ghazali juga ada berpesan dalam kitabnya, Ihya Ulum al-Din: “Apabila larangan (rasuah) itu begitu tegas, maka sepatutnya seorang hakim atau penguasa dan yang seumpamanya sentiasa **memperkira-kira dirinya**. Kalaulah (hadiah yang diterima) akan terus diterimanya walaupun selepas dia meletakkan jawatannya, maka bolehlah diterimanya walaupun ketika dia sedang memegang jawatan itu. Tetapi sekiranya pemberian itu kerana jawatannya, dan tidak akan diterima lagi selepas dia meletakkan jawatannya, maka haram dia menerimanya...”

14. Maka, saya mengambil kesempatan ini untuk memperingatkan diri saya dan saudara-saudari sekalian supaya berhati-hati dalam menerima sesuatu imbuhan, dan memastikan sama ada ia berbentuk rasuah atau hadiah. Sekiranya imbuhan yang berupa rasuah dipandang ringan dan diterima, kita tentu akan terjebak dalam jenayah dan dosa yang akan memberi kesan buruk kepada agama dan masyarakat.
15. Dalam hal ini, saya gembira apabila dimaklumkan Kementerian ini telah pun selesai melaksanakan Bengkel *Corruption Risk Management* (CRM) pada 17-18 April 2019 dan telah mengenalpasti risiko-risiko rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan. Saya berharap pelan tindakan yang sedang dibangunkan sejajar dengan matlamat Pelan Antirasuah Nasional (NACP) dapat dimuktamadkan serta diaplikasikan dengan segera.

Hadirin sekalian,

MELAKSANAKAN TUGAS BERLANDASKAN KEPADA PERATURAN YANG DITETAPKAN

16. Bagi mengekang kehendak dan nafsu yang menjadi raja di hati, saya menyeru agar semua warga Kementerian memastikan semua tindakan yang diambil dalam melaksanakan tugas adalah berlandaskan kepada peraturan yang ditetapkan. Manfaatkanlah pekeliling, peraturan serta undang-undang yang terpakai untuk membantu kita memastikan setiap amal perbuatan kita dalam organisasi ini adalah selaras dengan agama.
17. Perlu disedari bahawa setiap amal perbuatan akan dihisab dan ditimbang di al-Mizan iaitu neraca timbangan Allah SWT tanpa tertinggal sedikit pun. Ini bertepatan dengan firman-Nya dalam Surah al-Anbiyaa': Ayat 47 yang bermaksud:

“ Dan (ingatlah) Kami akan mengadakan neraca timbangan yang adil untuk (menimbang amal makhluk-makhluk) pada hari kiamat; maka tidak ada diri sesiapa akan teraniaya sedikitpun; dan jika (amalnya) itu seberat biji sawi

(sekalipun), nescaya Kami akan mendatangkannya (untuk ditimbang dan dihitung); dan cukuplah Kami sebagai Penghitung.”

18. Oleh itu, sebagai insan yang beriman kepada Allah SWT, hendaklah kita sedar bahawa pengakhiran hidup di dunia ini adalah permulaan kehidupan di Akhirat sama ada bahagia di Jannah atau derita di Jahannam. Maka jadikanlah kementerian di mana kita mencari rezeki ini sebagai ladang kebaikan untuk kita menuai pahala tanpa terpengaruh dengan ikutan hawa nafsu yang boleh menjerumuskan diri ke neraka Allah SWT. Hisablah diri kita sebelum Allah SWT menghisab amalan kita di akhirat kelak.
19. Saya yakin apabila kita mempunyai kesedaran terhadap tanggungjawab kepada Allah SWT, maka semua tindakan kita dalam organisasi ini tidak akan tersasar daripada paksi agama. Seterusnya kecemerlangan organisasi dapat ditingkatkan hasil daripada kecemerlangan integriti diri seorang insan.

PUASA MELAHIRKAN RASA EMPATI, SIMPATI DAN BELAS KASIHAN TERHADAP GOLONGAN YANG MEMERLUKAN

Hadirin yang dirahmati Allah SWT,

20. Puasa akan melahirkan perasaan empati, simpati dan belas kasihan terhadap golongan yang memerlukan serta seterusnya mencetus semangat ingin membantu mengurangkan penderitaan golongan ini. Perasaan-perasaan ini jika saya boleh perjelaskan dalam Bahasa Inggeris adalah begini : ***Empathy*** refers to feeling what another person is feeling. ***Sympathy*** means you understand what the other person is feeling even without feeling it yourself. ***Compassion*** means your feelings have prompted you to take action to relieve the sufferings of another person.”
21. Golongan berada dapat merasa empati, simpati dan belas kasihan terhadap golongan yang memerlukan sekiranya menyelami keperitan, kesempitan hidup dan kepahitan hidup yang diburu kelaparan. Oleh yang demikian, puasa merupakan waktu terbaik bagi golongan berada untuk menyelami perasaan

dan aspek kehidupan golongan yang memerlukan serta seterusnya mencetuskan tindakan serta keikhlasan untuk membantu mereka dengan antara lain membayar zakat, menderma dan bersedekah.

22. Dalam konteks warga kementerian ini, perasaan empati, simpati dan belas kasihan adalah penting dimiliki oleh anda semua dalam menjayakan **matlamat** kementerian ini iaitu 'Wilayah Peduli, Harapan Dipenuhi'.
23. Program-program seperti Residensi Wilayah atau RUMAWIP, projek *micro housing* untuk golongan bujang B40, Perkhidmatan Bas Go KL, baik pulih rumah daif di bandar, program-program peningkatan pendapatan, program-program pendidikan dan pemantapan jati diri dan berbagai lagi program serta projek yang sedang dilaksanakan oleh kementerian dan agensi akan lebih berjaya serta bermakna apabila semua pegawai yang terbabit melaksanakan tugas dengan empati, simpati dan belas kasihan terhadap kumpulan sasar bagi program dan projek tersebut.

PENUTUP

Saudara-saudari,

24. Semoga dengan ketibaan bulan Ramadan ini, kita dapat menyempurnakan ibadah kita dengan lebih baik, serta tidak lupa memberi bantuan kepada mereka yang memerlukan. Amalan bersedekah sememangnya dituntut dalam Islam, untuk mengingatkan kita agar sentiasa bersyukur dengan rezeki yang dianugerahkan oleh Allah. Saya juga berdoa semoga warga Kementerian ini bersama-sama dapat memastikan wilayah Persekutuan dalam keadaan aman dan damai serta mendapat limpahan rahmat Allah SWT.
25. Akhir kata, tahniah saya ucapkan kepada semua yang telah menjayakan majlis pada hari ini. Setinggi-tinggi penghargaan kepada Kelab Kebajikan dan Sukan Kementerian Wilayah Persekutuan (KESWIP) dan PUSPANITA yang saya difahamkan telah menaja ahli-ahli keluarga warga kementerian untuk majlis

berbuka puasa yang akan diadakan selepas ini. Sekian, Wabillahi Taufiq
Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.